



Aplikasi Maqasid *Ḍaruriyyāh* Dalam Masalah *Ihdād* Wanita Islam Berkerjaya

Fiqh al-Ahwal al-Syakhsiyyah

The Application of Maqāṣid Ḍarūriyyah in the Issue of Ihdād Among Working Muslim Women

42

MUHAMMAD YUSRI ZULKEFLI

(Corresponding Author)

ZANARIAH DIMON

NORITA KAMARUDDIN

NORAZLA ABDUL WAHAB

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

43000 Kajang, Selangor, Malaysia

24mt21001@postgrad.uis.edu.my

zanariah@uis.edu.my, norita@uis.edu.my

norazla@uis.edu.my

Submitted date: 19 March 2025

Revised date: 13 June 2025

Acceptance date: 5 May 2025

Available online: 10 September 2025

ABSTRAK

Maqasid syariah bertujuan untuk menjaga dan menjamin kepentingan atau *maṣlahah* manusia. *Maṣlahah* manusia berbeza-beza mengikut kepada situasi *ḍarūrah*, hajat dan juga keuzuran yang dialami. Oleh hal yang demikian, aplikasi maqasid syariah juga berbeza-beza yang bertujuan untuk memudahkan dan meringankan bebanan taklif sesuai dengan kemampuan manusia. Dalam Islam, prinsip menghadirkan kebaikan (*maṣlahah*) dan menghindarkan keburukan (*mafsadah*) kepada diri dan orang lain adalah sesuatu yang perlu diambilkira. Prinsip utama dalam maqasid syariah ialah menjaga *ḍaruriyyāt*. Pertimbangan yang dinilai di bawah konsep *ḍaruriyyāt* ini ialah penjagaan *kulliyāt al-khams* iaitu menjaga agama, jiwa, keturunan, harta dan akal. Perkara-perkara ini menjadi objektif syarak dalam penetapan hukum. Dalam konteks *ihdad* wanita Islam kematian suami, secara umumnya hukumnya adalah jelas berdasarkan al-Quran dan hadis. Namun begitu, *ihdad* bagi wanita Islam yang berkerjaya adalah sesuatu yang baru dan bersifat kontemporari. Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti aplikasi maqasid syariah dalam *ihdad* wanita Islam yang berkerjaya dan akan memfokuskan di bawah konsep *ḍaruriyyāt*. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan metod penerokaan dengan kaedah pengumpulan data melalui kajian perpustakaan berdasarkan kitab-kitab dan kajian-kajian lepas. Data-data kemudiannya dianalisis dengan metod analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi *ḍaruriyyāt* di bawah maqasid syariah dalam masalah *ihdad* wanita Islam berkerjaya adalah untuk menjaga nyawa (*hifz al-nafs*). Wanita *berihdad* dibenarkan untuk keluar berkerja dalam batasan-batasan tertentu.

Kata Kunci: Maqasid Syariah, *Ḍaruriyyāt*, *Ihdad*, Wanita Islam Berkerjaya





ABSTRACT

Maqasid syariah aims to preserve and safeguard the public interest (*maslahah*) of the people. However, people's public interest varies according to the situation of necessity (*darurah*), needs and incapacibilities that exist. Therefore, the application of maqasid syariah also varies which aims to ease and lighten the burden of *taklif* which suits people's capabilities. In Islam, the principle of protecting *maslahah* and avoiding *mafsadah* to oneself and others is something that needs to be taken into account. The primary principle in *maqasid syariah* is the preservation of the *daruriyyāt*. The consideration assessed under the concept of *daruriyyat* is the preservation of the five elements (*kulliyat al-khams*) that is religion, life, lineage, intellect and wealth. These matters are the main objective of syarak in establishing laws (*hukum*). In the context of *ihdad* for Muslim women whose husband died, generally the law is absolute from the Quran and Hadith. However, *ihdad* for Muslim women in careers is something new and considered contemporary. Therefore, this research aims to determine the application of maqasid syariah in *ihdad* for Muslim women in careers and will put the focus on the concept of *daruriyyat*. This qualitative research employs the exploratory method in which data were collected through library research by analyzing the books (*kitab*) of past scholars and researchers. The data gained will later on be analyzed through content analysis methodology. The result of this study reveals that the application of *daruriyyat* under maqasid syariah in *ihdad* for Muslim women in careers is purposely to preserve life (*hifz al-nafs*). A woman in the state of *ihdad* is permitted to engage in employment outside the home, so long as it remains within the limits and conditions outlined by Islamic legal principles.

Keywords: *Maqasid Syariah, Daruriyyāt, Ihdad, Working Muslim Women*

PENDAHULUAN

Maqasid syariah merupakan elemen penting dalam penentuan hukum syarak terhadap isu-isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Hal ini kerana maqasid syariah terhasil daripada kajian yang mendalam dan teliti terhadap nas-nas wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada umat manusia (Al-Raysūnī, 1999). Banyak ilmuwan Islam telah menjelaskan kepentingan maqasid syariah dalam penentuan hukum syarak. (Al-Kaylānī, 2000; Al-Qaraḍāwī, 2006; Al-Raysūnī, 2013). Sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa maqasid syariah boleh dijadikan dasar bagi hukum syarak kerana ia merupakan hasil daripada analisis yang menyeluruh dan mendalam terhadap nas-nas wahyu maka maqasid syariah mempunyai kedudukan yang setara dengan nas wahyu dalam menentukan hukum syarak (Muhammad Nazir Alias et al, 2018). Maqasid syariah pada ketika ini menjadi ejen penyelesaian kepada isu-isu pemikiran Islam kontemporari (Noor Hidayah Kasim, 2013).

Menurut Al-Najjār (2008) dan Al-Yūbī (1998), maqasid *daruriyyāt* ialah perkara yang menjadi keperluan manusia dan ianya adalah asas kepada kehidupan mereka. Kehidupan manusia akan menuju kebinasaan jika keperluan ini tidak dipenuhi.



Keperluan asas ini ialah agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Perkara-perkara ini merupakan objektif syarak dalam keseluruhan pensyariatan hukum.

Dalam konteks *ihdad* wanita Islam kematian suami, hukumnya jelas berdasarkan al-Quran dan hadis. Wanita Islam yang kematian suami perlu menjalani *ihdad* selama tempoh iddah empat bulan 10 hari. Syh Noorul Madidah et al (2023) telah memperincikan dalam kajiannya bahawa larangan kepada wanita yang kematian suami ketika ber*ihdad* diringkaskan seperti berikut:

1. Larangan memakai wangian
2. Larangan memakai perhiasan pada diri
3. Larangan perhiasan pada pakaian
4. Larangan memakai barang perhiasan
5. Larangan meninggalkan rumah

Namun begitu, timbul permasalahan apabila wanita Islam kematian suami perlu keluar bekerja bagi melangsungkan kehidupan diri serta tanggungan. Justeru, timbul *maṣlahah* dan *mafsadah* baru dalam situasi wanita Islam bekerjaya yang kematian suami. Oleh yang demikian, pengkaji dalam artikel ini menganalisis maqasid *ḍaruriyyāh* dalam masalah *ihdād* wanita Islam berkerjaya.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah pengumpulan data yang digunakan merupakan kajian kepustakaan (*library research*), iaitu kajian yang menggunakan literatur kepustakaan dengan cara mengkaji buku-buku, kitab-kitab mahupun maklumat penulisan dan kajian lepas yang berkaitan dengan ruang lingkup dalam kajian ini. Skop kajian yang dibataskan oleh pengkaji adalah maqasid *ḍaruriyyāt*.

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Bagi Creswell (2009), analisis kandungan dokumen adalah salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif. Menurut Krippendorff (2004), pendekatan ini juga dipanggil interpretif dan memerlukan bacaan yang mendalam terhadap bahan teks yang secara relatifnya sedikit. Dalam kajian ini pengkaji membuat interpretasi mendalam ke atas data-data berkenaan maqasid *ḍaruriyyāt* dalam kitab-kitab terdahulu dan kajian-kajian terkini untuk mendapat satu kesimpulan terkini.

KONSEP DARURIYYĀT

Kepentingan yang menjadi objektif syarak terbahagi kepada tiga jenis iaitu *ḍaruriyyāt*, *hājiiyyāt* dan *tahsiniyyāt* (Muhammad Nazir Alias et al., 2018). *ḍaruriyyāt* adalah merupakan peringkat pertama seperti yang disusun oleh Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *al-Mustaṣfa min 'Ilm al-Uṣul*. Yusuf al-Qardhawi (2011) telah menjelaskan bahawa *ḍaruriyyāt* adalah sesuatu keadaan sekiranya sesuatu keperluan itu tidak dapat dipenuhi akan menyebabkan kemusnahan aspek utama kehidupan seperti



agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menurut al-Shaṭībī dan Ibn 'Abd al-Salam, antara penyebab kepada perubahan hukum syarak ialah *ḍarurah* dan hajat (Ismail Kaukasal, 2000). Hal ini sesuai dengan tujuan pensyariatannya iaitu mengutamakan *maṣlahah* yang lebih besar dan melakukan kemudaratan yang kecil untuk menolak kemudaratan yang lebih berat (al-Kaylānī, 2006).

Imam al-Ghāzali mendefinisikan *al-ḍaruriyyāt* sebagai:

"ما لا بد منها في قيام مصالح الدين والدنيا بحيث إذا فقدت لم تجري مصالح الدنيا على استقامة بل على فساد وتهاريج وفوت حياة وفي الأخرى فوت النعيم والرجوع بالخسران المبين"

"Perkara yang harus dipelihara untuk menjaga kemaslahatan agama dan dunia. Jika kemaslahatan tersebut hilang, maka kestabilan dunia akan terganggu, malah akan menghadapi kerosakan, kesulitan, dan kehilangan kehidupan. Akhirnya, kenikmatan akan lenyap dan kerugian yang nyata akan diperoleh.."

Imam al-Ghāzali telah membahagikan *maqasid al-ḍaruriyyāt* kepada lima perkara, iaitu memelihara agama (*hifz al-dīn*), memelihara jiwa (*hifz al-nafs*), memelihara akal (*hifz al-'aql*), memelihara keturunan (*hifz al-nasl*) dan memelihara harta (*hifz al-māl*) yang lebih dikenali kemudiannya sebagai *al-kulliyāt al-khams*. Menariknya al-Ghāzali menyimpulkan *maqasid* syariah dalam ungkapan *maṣlahah* dengan menyatakan sesuatu yang bertujuan untuk memelihara *uṣūl al-khamsah* (*kulliyāt al-khams*) adalah *maṣlahah*, dan apa jua yang menyebabkan hilangnya *uṣūl al-khamsah* merupakan *mafsadah*.

Bagi Al-Jairani (2007), *ḍaruriyyāt* di sisi ulama usul fiqh ialah keadaan terdesak yang perlu diatasi untuk menjaga *maṣlahah* duniawi dan agama dalam konteks menjaga *kulliyāt al-khams*. Di sisi ulama-ulama fiqh mazhab Syafie seperti al-Zarkashi (1982) dan al-Suyuti (t.t), *ḍarurah* ialah keadaan di mana sampai satu batas dan had yang jika tidak mengambil atau melakukan perkara yang dilarang, keadaan itu akan menyebabkan atau menghampiri kebinasaan.

Dalam kalangan ulama kontemporari, definisi *ḍarurah* disesuaikan dengan penggunaannya mengikut perubahan masa dan zaman serta meraikan aspek-aspek tertentu (Ahmad Murshidi & Noraini, 2022). Contohnya definisi *ḍarurah* menurut al-Zuhaili (1997), bahawa *ḍarurah* ialah situasi bahaya atau kesusahan yang bersangkutan yang menimpa seseorang sehingga situasi itu dibimbangi akan memudaratkan jiwa, anggota, maruah, akal ataupun harta. Pada ketika ini dibolehkan mengerjakan perbuatan yang haram, meninggalkan yang wajib atau menangguhkannya kerana menolak *ḍarurah* yang dalam *ghalabat al-zan* (sangkaan yang kuat), selagimana dalam acuan syarak.

PENSYARIATAN IHDAD

Al-Quran telah memperkatakan tentang kewajipan *ihdad* dalam surah al-Baqarah ayat 234 yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa iddahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syarak). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.”

(Al-Baqarah, 2:234)

Jumhur ulama dari empat mazhab iaitu Maliki, Syafi'i, Hanafi, dan Hambali sependapat bahawa berihdad hukumnya wajib ke atas setiap isteri yang menjalani iddah kematian suami (*iddah wafat*) (Al-Zuhaili, 1989).

Majoriti ulama mazhab fiqh berpendapat bahawa setiap wanita yang kematian suami adalah diwajibkan untuk berihdad. Namun terdapat juga sebahagian kecil ulama seperti Imam Hasan al-Basri dan Imam al-Sya'bi yang berpandangan sebaliknya dan pendapat ini adalah amat lemah, naif malah menyalahi pandangan majoriti ulama dalam perkara berkahungnya isteri atas kematian suami (Al-Mawardi, 1999). Jumhur ulama yang bersepakat mengenai kewajipan *ihdad* wanita kematian suami (Nabilah Nurshuhada et al, 2023).

Terdapat beberapa riwayat hadis yang menceritakan tentang kewajipan berihdad terhadap isteri yang kematian suami. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Zainab binti Abi Salamah:

ثُمَّ دَخَلْتُ عَلَى زَيْنَبِ بِنْتِ جَحْشٍ حِينَ تُؤَيِّبُ أَخُوَهَا، فَدَعَتُ بِطَيْبٍ، فَمَسَّتْ بِهِ، ثُمَّ قَالَتْ: مَا لِي
بِالطَّيِّبِ مِنْ حَاجَةٍ، غَيْرَ أَبِي سَعْتٍ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمَنِيْرِ يَقُولُ: «لَا يَجِلُّ لِامْرَأَةٍ
تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، تُحَدُّ عَلَى مَيِّتٍ فَوْقَ ثَلَاثٍ، إِلَّا عَلَى زَوْجِ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا

Maksudnya:

“Saya datang menziarahi Zainab binti Jahsy ketika kematian saudara belia. Dia meminta wangian lalu menyapunya dan berkata: saya tidak memerlukan wangian ini tetapi saya pernah mendengar Baginda Rasulullah SAW bersabda: “Tidak harus bagi seseorang wanita berihdad untuk kematian seseorang lebih dari tiga hari termasuk malamnya kecuali untuk suaminya selama empat bulan sepuluh hari”

(Bukhari, 5: 5024; Muslim, 2: 1487)



Dalam menerangkan hadis ini, al-Nawawi telah menyatakan seorang isteri yang beriddah dengan sebab kematian suami diwajibkan berihdad, dan ia merupakan persepakatan ulama'. Walaupun zahir hadis menunjukkan seorang wanita tidak dibenarkan berihdad melebihi tiga hari apabila berlaku sebarang kematian kaum keluarganya, namun larangan tersebut dikecualikan bagi mereka yang kematian suami. Bahkan mereka diwajibkan berihdad sepertimana yang terkandung di dalam hadis-hadis Rasulullah S.A.W. Baginda pernah melarang perbuatan-perbuatan wanita kematian suami yang melanggar amalan berihdad seperti berhias, berwangi-wangian, bercelak dan sebagainya (Ibn Hajr, 2001). Hukum kewajipan berihdad ini juga telah disepakati oleh sekumpulan sahabat Rasulullah S.A.W, yang terdiri daripada Abdullah Ibn Umar, Aisyah, Ummu Salamah dan selainnya. Pandangan ini turut disokong oleh kaum *salaf* (al-Kasani, 2000).

APLIKASI KONSEP DARURIYYĀT DALAM IHDAD WANITA ISLAM BEKERJAYA

Sebelum menilai konteks *ihdad* wanita Islam bekerjaya dari sudut maqasid syariah, hukum asal *ihdad* wanita Islam kematian suami perlu dilihat terlebih dahulu. Perincian hukum daripada ayat al-Quran dan Hadis di atas serta kupasan berkenaan apa yang dimaksudkan oleh *ihdad* jelas menunjukkan hukum berihdad adalah wajib bagi wanita yang kematian suaminya selama tempoh *iddah* empat bulan 10 hari. Justeru, setiap wanita Islam yang kematian suami mempunyai taklif ke atas diri untuk mematuhi tuntutan *ihdad*.

Menurut Wan Mohd Yusof & Abdul Karim Ali (2015), untuk lebih memahami sesuatu hukum tersebut, golongan jumah ulama mendalami makna dan pengertian yang terkandung dalam sesuatu nas melalui proses *ta'wil*. Dari segi konsepnya, perkataan *ta'wil* bolehlah dirujuk kepada usaha para ulama menggunakan ketajaman minda untuk memahami rasionaliti di sebalik pensyariatan hukum hakam syarak (Wan Mohd Yusof dan Abdul Karim Ali, 2015). *Ta'wil* juga boleh difahami sebagai suatu proses mencari 'illah hukum. Menurut Al-Syatibi (2003) perkataan 'illah merujuk kepada hikmah pensyariatan sesuatu hukum.

Berdasarkan ijhtihad ulama terdahulu dan juga diikuti oleh ulama kontemporari terdapat beberapa 'illah *ihdad* (Fatimah & Muhammad Miftah, 2022). Ulama bermazhab Hanafi menyatakan bahawa 'illah *ihdad* adalah untuk menghabiskan sesuatu yang dianggap sisa perkahwinan seperti kemungkinan hamil dan juga hak-hak yang lain (Ahmad al-Qolimi, 2008). Menurut Syāfi'iyyah pula, terdapat tiga 'illah *ihdad* iaitu untuk memastikan bahawa rahim wanita tersebut kosong, mematuhi perintah Allah dan juga sebagai tanda berkabung ke atas kematian suami (Ahmad Al-Qolimi, 2008).

Oleh itu, hikmah utama di sebalik pensyariatan *ihdad* adalah untuk mensucikan rahim perempuan selama tempoh empat bulan 10 hari (Fatimah & Muhammad Miftah, 2022). Disebabkan itu juga, Islam telah menegaskan bahawa lelaki muslim tidak dibenarkan berkahwin dengan wanita yang masih dalam tempoh *iddah*, sama ada *iddah* perceraian mahu pun *iddah* kematian suami. Larangan tersebut antara lainnya bagi memastikan tiada percampuran nasab berlaku (Syh Noorul Madihah et al, 2015).



Sekiranya wanita benar-benar mengamati dan mengaplikasi hukum larangan berhias dan berwangian tersebut, ia secara tidak langsung dapat membendung dari berlakunya perkahwinan dalam tempoh iddah. Selain daripada mengelakkan berlaku akad perkahwinan, larangan berhias dan berwangi-wangian juga boleh mengelakkan daripada berlakunya peminangan secara berterus terang dari mana-mana lelaki, kerana ia juga termasuk dalam larangan wanita beriddah (al-Bugha et.al, 1998). Fatimah Salleh et al (2020) juga menyatakan bahawa tujuan pensyariatan *ihdad* adalah untuk wanita menjamin kesucian nasab keturunan.

Menurut Abd al-Wahāb Khalaf (1956), Islam sememangnya begitu menjaga garis keturunan dan ia termasuk dalam salah satu daripada lima maqasid syariah iaitu menjaga keturunan (*hifz al-nasab*). Maka dari aspek maqasid syariah, *hifz al-nasab* merupakan *ḍaruriyyāt* bagi hukum *ihdad* wanita Islam. Menurut Fatimah & Muhammad Miftah (2022), menjalani *ihdad* dengan tujuan untuk mensucikan rahim adalah tujuan hukum yang dipanggil *ghāyah ḍaruriyyah* manakala tidak meninggalkan rumah dan tidak berhias adalah cara ataupun medium untuk mencapai tujuan hukum yang dipanggil *waṣīlah ḍaruriyyah*.

Menurut Al-Jaziri (1987), tujuan *ihdad* (*ghāyah ḍaruriyyah*) untuk mensucikan rahim adalah bersifat kekal manakala cara untuk mencapai tujuan tersebut (*waṣīlah ḍaruriyyah*) tidak bersifat kekal dan boleh berubah jika wujudnya keperluan lain. Oleh itu, jika terdapat keperluan untuk meninggalkan rumah disebabkan wujud *ḍaruriyyāt*, *waṣīlah ḍaruriyyah* boleh berubah sedangkan *ghāyah ḍaruriyyah* masih kekal. Dengan kata lain, tujuan *ihdad* untuk mensucikan rahim masih kekal manakala cara menjaga tujuan tersebut (tidak meninggalkan rumah) boleh berubah. Secara asasnya menurut al-Jaziri, wanita kematian suami boleh meninggalkan rumah asbab *ḍaruriyyāt* dengan syarat tujuan *ihdad* masih boleh dicapai iaitu mensucikan rahim. Antara *ḍaruriyyāt* yang membolehkan wanita ber*ihdad* untuk meninggalkan rumah adalah untuk mendapatkan rawatan, mendapatkan barangan keperluan asas atau keluar sekiranya terdapat ancaman terhadap nyawa atau harta (Hanan, t.t.).

Keluar bekerja juga termasuk dalam salah satu *ḍaruriyyāt* untuk meninggalkan rumah. Dalam sesetengah keadaan pada masa kini, apabila wanita Islam kematian suami mereka perlu keluar bekerja demi memastikan kelangsungan hidup diri sendiri dan tanggungan yang terdiri daripada anak-anak dan berkemungkinan ahli keluarga yang lain. Justeru, terdapat suatu masalah besar yang perlu dijaga dan diutamakan. Hal ini termasuk di bawah memelihara nyawa (*hifz al-nafs*) di bawah konsep *ḍaruriyyāt*. *Hifz al-nafs* adalah keutamaan kedua dalam *kulliyāt al-khams* selepas menjaga agama (*hifz al-dīn*) yang disebutkan oleh Imam al-Ghazālī (1997). Sesetengah ulama berselisih berkenaan keutamaan *kulliyāt al-khams*. Al-Ghazali mengutamakan penjagaan agama kemudian barulah penjagaan nyawa. Beberapa ulama yang lain seperti al-Razi, al-Qarafi, al-Baydawi, Ibn Taimiyyah, al-Isnawi, dan al-Zarkashi memberi keutamaan kepada menjaga nyawa berbanding agama (Mohd Rofaizal et al, 2024). Mereka berpendapat bahawa menjaga agama tidak boleh dilakukan tanpa menjaga nyawa terlebih dahulu.



Al-Raysūnī menjelaskan bahawa al-Shaṭībī pernah mentakrifkan *hifz al-nafs* itu ialah pemeliharaan hidup yang boleh dicapai dengan tiga cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci dan menyediakan pakaian dan tempat (Raysūnī, 1995). Oleh itu, jika wanita kematian suami tidak meninggalkan rumah untuk bekerja, mereka akan hilang punca pendapatan untuk meneruskan kehidupan. Ulama menyandarkan rukhṣah untuk bekerja semasa menjalani *ihdad* berdasarkan hadis daripada Jabir bin Abdullah RA:

طَلَّقْتُ خَالَتِي ثَلَاثًا فَخَرَجَتْ تَجِدُنِي نَحْلًا لَهَا فَلَقِيَهَا رَجُلٌ فَنَهَاهَا فَأَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ لَهَا : اخْرُجِي فَجُدِّي نَحْلَكَ لِعَلَّكَ أَنْ تَصَدَّقِي مِنْهُ أَوْ تَفْعَلِي خَيْرًا

Maksudnya: Ibu saudaraku yang telah diceraikan mahu keluar memetik kurma. Ketika ibu saudaraku keluar untuk memetik kurma, dia bertemu dengan seorang lelaki dan menegur perbuatannya (yang keluar semasa iddah). Oleh itu, ibu saudaraku itu datang berjumpa dengan Nabi Muhammad dan bercerita kepadanya kisah tersebut. Baginda bersabda: Sudah tentu kamu boleh memetik kurma dari pohonnya, supaya kamu boleh bersedekah sebahagian daripadanya atau berbuat baik dengannya.

(Muslim. *ṣahīh Muslim*. Hadis no. 1483. Jil. 4, ms. 200)

Menurut ulama kontemporari seperti Wahbah al-Zuhayliy (1989), wanita dibenarkan melakukan sesuatu yang dilarang atas sebab *ḍarurah*, kerana *ḍarurah* itu membolehkan yang *maḥzūrāt* (terlarang). Malah menurut Wahbah al-Zuhayliy, selain daripada dibolehkan untuk keluar rumah, wanita juga dibenarkan berhias diri jika pekerjaannya itu memerlukan untuk berhias yang dianggap *ḍāruriyyāt*. Namun persoalannya apakah indikator untuk menentukan tahap *ḍāruriyyāt* keadaan tersebut sehingga membenarkan wanita kematian suami keluar rumah dan berhias diri. Wahbah menegaskan bahawa keadaan tersebut dibenarkan hanya jika tiada siapa yang dapat menyara hidup mereka, dan juga tiada pekerjaan lain yang boleh dilakukan selain pekerjaan yang memerlukan mereka untuk berhias barulah ia boleh dikatakan *ḍarurah*. Syarat ini memerlukan wanita tersebut untuk berusaha sebaik mungkin untuk mencari pekerjaan yang tidak memerlukan mereka berhias diri terlebih dahulu. Jika tidak timbul *ḍarurah* seperti yang dinyatakan dan wanita tetap keluar bekerja dan berhias diri atas sebab yang lain seperti mahu menjaga kerjaya semata-mata sedangkan ada ruang untuk dia ber*ihdad*, maka hukum asal wajib ber*ihdad* terpakai ke atasnya dan melanggarnya adalah berdosa.

Menurut Ibn Qudamah (1997) dalam kitab *Mughni*, tempoh kebenaran keluar atas sebab *ḍarurah* ini tertakluk kepada waktu siang dan diwajibkan untuk bermalam di rumah peninggalan suami dengan syarat wanita tersebut selamat di situ. Syarat ini ditetapkan berdasarkan hadis daripada Mujāhid RA:

اسْتَشْهَدَ رِجَالٌ يَوْمَ أُحُدٍ، فَجَاءَتْ نِسَاؤُهُمْ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-، وَقُلْنَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، نَسْتَوْحِشُ بِاللَّيْلِ، أَفَبَيْتُ عِنْدَ إِحْدَانَا، فَإِذَا أَصْبَحْنَا بَادَرْنَا إِلَى بُيُوتِنَا؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-: "تَحَدَّثْنَ عِنْدَ إِحْدَاكُنَّ، حَتَّى إِذَا أَرَدْتُنَّ النَّوْمَ، فَلْتَوُوبِ كُلُّ وَاحِدَةٍ إِلَى بَيْتِهَا

Maksudnya: Telah syahid beberapa sahabat di perang Uhud, isteri-isteri mereka telah datang menemui Rasulullah SAW lalu berkata: Wahai Rasulullah, kami merasa sunyi bersendirian ketika waktu malam, adakah boleh kami pergi bermalam di rumah sahabat-sahabat kami dan apabila menjelang siang kami pulang ke rumah masing-masing? Baginda bersabda: Kamu boleh berbual-bual di rumah sahabat-sahabat kamu sehinggalah kamu mahu tidur, pulanglah bermalam di rumah kamu masing-masing.

(Al-Bayhaqī. *Al-Sunan Al-Kubra*. Hadis no. 15512. Jil. 7, ms. 717)

Berdasarkan hadis ini, dapat disimpulkan bahawa wanita tidak dibenarkan untuk keluar pada waktu malam kerana kebiasaannya pada waktu ini mendatangkan pelbagai masalah keselamatan dan fitnah melainkan jika terdapat keperluan mendesak. Hal ini dijelaskan Imam Shamsuddin al-Ramli dalam kitabnya *Nihāyah al-Muhtāj* apabila mensyarahkan perkataan Imam al-Nawawi berkenaan matan hadis. Namun, pengecualian diberikan kepada individu yang tidak mempunyai pilihan dan perlu bekerja pada waktu malam seperti doktor, jururawat dan sebagainya (Laman Web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan)

Walaupun terdapat *rukhsah* yang membenarkan wanita keluar bekerja berdasarkan konsep *ḍāruriyyāt*, tujuan pensyariatan *ihdad* tidak boleh diketepikan. Kelonggaran yang diberikan bukan bermakna mengeneppikan hukum asal. Tetapi kelonggaran yang diberikan adalah mengikuti prinsip maqasid syariah iaitu untuk menjaga *maṣlahah* dan menghilangkan *mafsadah*. Dalam konteks fiqh, darurat merujuk kepada situasi luar biasa yang boleh mengancam lima perkara asas dalam maqasid syariah, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta yang disebut kaedah "*al ḍarūrah tuqaddar biqadarihā*". Dalam keadaan sebegini, syariat membenarkan pelanggaran terhadap larangan tertentu, seperti makan bangkai ketika kelaparan yang boleh membawa maut. Namun, kaedah "*al ḍarūrah tuqaddar biqadarihā*" mengawal agar keharusan itu hanya dilakukan sekadar untuk mengelakkan kemudaratan, bukan untuk mengambil kesempatan. Justeru, wanita ber*ihdad* harus berusaha terlebih dahulu untuk mematuhi *ihdad* seboleh mungkin agar 'illah pensyariatan *ihdad* iaitu mensucikan rahim dapat dicapai dan dijaga sebaiknya. Najmuddin Thufi berpendapat pelaksanaan *ihdad* dapat disesuaikan tanpa mengabaikan tujuan utama syariah, sehingga wanita berkerjaya boleh bekerja dalam tempoh *ihdad* selama mereka menjaga batas syar'i dan mematuhi ketentuan hukum Islam.



KESIMPULAN

Maqasid syariah bertujuan untuk menjaga *maslahah* dan mengelakkan *mafsadah*. Konsep *daruriyyat* yang diaplikasikan dalam *ihdad* wanita Islam bekerjaya adalah di bawah prinsip menjaga nyawa (*hifz al-nafs*). Hal ini disebabkan, wanita ini perlu keluar bekerja demi kelangsungan hidup diri dan tanggungan. Jika mereka tidak keluar bekerja akan wujud satu *mafsadah* yang lebih besar. Walaupun kelonggaran diberikan untuk wanita *berihdad* keluar bekerja, hukum asal tidak boleh diketepikan secara total. Wanita *berihdad* perlu berusaha sedaya upaya untuk mematuhi *ihdad* selagi mana mampu kerana tujuan utama pensyariatan *ihdad* iaitu mensucikan rahim masih perlu dijaga. Selain itu, *ihdad* juga bertujuan untuk menzahirkan kesedihan atas pemergian suami. Oleh itu, wanita *berihdad* yang keluar bekerja mempunyai batas dan syarat tertentu iaitu tidak boleh berhias diri dan hanya keluar untuk urusan kerja dan keperluan yang mendesak sahaja. Wanita Islam yang menjalani *ihdad* juga hanya dibenarkan untuk keluar pada waktu siang sahaja demi mengelakkan fitnah namun pengecualian diberikan kepada wanita-wanita yang sememangnya perlu bekerja pada waktu malam. Aplikasi konsep *daruriyyat* dalam *ihdad* wanita Islam bekerjaya menunjukkan bahawa Islam tidaklah menindas golongan-golongan tertentu dan masih mempunyai ruang dan fleksibiliti untuk dinilai dan direnung sesuai dengan masalah baru yang timbul seiring peredaran zaman.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental bertajuk "Pembinaan Model Sokongan Ihdad Bagi Wanita Islam Bekerjaya di Malaysia", kod rujukan FRGS/1/2023/SS02/KUIS/03/1 yang dianugerahkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi dan diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi (RIMC) Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.

RUJUKAN

- Ahmad Al-Qolimi, A. (2008). *Ahkamul Usroh Fi As- Syari'ah al-Islamiyyah*. Daru An-Nushroh lil Jama'ah.
- Ahmad Murshidi Mustapha & Noraini Junoh. 2022. "Konsep Darurah Dan Kaedah-Kaedah Fiqhiyyah Yang Berkaitan Dengan Darurah: The Concept of Darurah and The Fiqh Methodes Related to Darurah". *Jurnal Pengajian Islam* 15 (1):69-90
- Al-Bugha, Mustafa et al. (1998), *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhahib al-Imam al-Syafi'i*, j. 2, c. 2. Beirut: Dar al-Syamiyyah.
- Al-Jairani, Muhammad bin Husin. (2007). *Haqiqah al-Darurah al-Syar'iyah Wa Tatbiqatoha al-Mu'asirah*. Riyadh: Maktabah Dar al-Minhaj, cet.1.



- Al-Kaylānī, 'Abd al-Raḥmān Ibrāhīm Zayd. (2000). *Qawā'id al-Maqāṣid 'Ind al-Imām al-Shāṭibī*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Kaylānī, 'Abd al-Raḥmān Ibrāhīm Zayd. (2006). *Al-Qawā'id al-Usuliyah wa al-Fiqhiyyah wa 'Alaqtuha bi Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah. Dalam Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah Dirasat fi Qadaya al-Manhaj wa Majalat al-Tatbiq*. United Kingdom: Muassasah al-Furqan.
- Al-Mawardi, A. H. (1999). *Al-Hawi al-Kabir fi Fiq Madhhab al-Imam al-Syafi'i*. Ed. Ali Muhammad Mu'awwad and Adil Ahmad Abd al-Ma'bud. Vol. 9. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Al-Najjār, 'Abd al-Majīd. (2008). *Maqāṣid al-Sharī'ah Bi Ab'ād Jadīdah* (Ed. Kedua). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Qaraḍāwī, Y. (2006). *Bayn al-Maqāṣid al-Kulliyah Wa al-Nuṣūṣ al-Juz'iyyah: Dirāsah Fī Fiqh Maqāṣid al-Sharī'ah*. In M. S. Al-'Awwā (Ed.), *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah: Dirāsāt Fī Qaḍāyā al-Manhaj Wa Majālāt al-Taṭbīq* (pp. 37–164). London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Al-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad (1984). *Nihayah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr. 7/145.
- Al-Raysūnī, A. (2013). *Maqāṣid al-Maqāṣid*. al-Qāherah: Dār al-Kalimah Li al-Nashr Wa al-Tawzī'.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq (2003) *Al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī'ah*. Kaherah: Dār al-Ḥadīs
- Al-Yūbī, M. S. I. A. I. M. (1998). *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Wa 'Alāqatuhā Bi al-Adillah al-Shar'iyyah*. al-Riyāḍ: Dār al-Hijrah.
- Al-Zarkashi, Muhammad Bin Bahadir. (2000). *Al-Manthur Fi al-Qawā'id Fiqh Syafi'e*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, cet. 1.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1989). *Fiqh Islami wa Adillatahu*. Dar al-Fikr. Damsyik.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1997). *Nazariyyat al-Darurah al-Syar'iyyah Muqaranah Ma'a Qanun al-Wad'i*. Beirut: Dar al-Fikr, cet. 4.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Fathimah Shalehah & Muhammad Miftah Irfan (2022). *Jasser Auda's Maqasid Sharia Application in the 'Iddah for Career Women*. Al-Qisthu: *Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Hukum* Vol.20, No.1, June 2022, pp.15-26



- Hanān Musallam Faṭal Yabrudī. *Ahkām Al-'Iddah fī Al-Fiqh Al-Islāmī wa Qanūn Aḥwāl Al-Syakhsīyah Al-Surī*. ms. 115-119.
- Ibn Hajr al-'Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad Ibn 'Ali (2001), *Fath al-Bari fi Syarh Sahih al-Bukhari*, j. 9. Kaherah: Maktabah Misr.
- Ibn Qudāmah, Abu Muḥamad Bin Aḥmad Bin Muḥamad. (1997). *Al-Mughnī*. Riyādh, Arab Saudi: Dār 'Ālam al-Kutub. Jil. 11. ms. 297
- Ismail Kaukasal. 2000. *Taghayyur al-Ahkam fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology* (2nd ed.) Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mohd Rofaizal et al, (2024). Parameter Darar Dalam Membina Prosedur Operasi Standard (SOP) Menangani Pandemi Daripada Perspektif Empat Mazhab. *Journal of Muwafaqat* Vol. 7, No. 2, 2024, pp. 100-124
- Muhammad Nazir Alias. (2018). Maqasid Syari'ah Sebagai Sandaran Hukum Menurut Mazhab Syafie. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* Volume 2(1) January 2018, 48-58.
- Nabilah Nurshuhada et al (2023). Pensyariatan *Ihdad* Dan Larangan Sepanjang Tempoh Menurut Perspektif Islam [Legislation of *Ihdad* And Prohibition Throughout The Period From The Perspective of Islam]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 24. 139-153.
- Noor Hidayah Kasim (2013) Syariah dalam kehidupan Muslim / *Noor Hidayah Kasim*. In: *Islam dalam realiti kehidupan*. Universiti Teknologi MARA, Kedah, Universiti Teknologi MARA, Kedah, pp. 110-161.
- Nur Aziz et al (2024). Reinterpreting Iddah for Career Women: Najmuddin Tufi's Maqashid Sharia Approach. *Ulul Albab: Jurnal Studi dan Penelitian Hukum Islam*. Vol. 8, No. 1, October 2024, (p. 65-79)
- Rohman Al-Jaziri, A. (1987). *Fiqh 'Ala Madzhabiul Arba'ah Juz 4*. Dar al-Fiqr.
- Syh Noorul Madihah et al (2023) Pensyariatan *Ihdad* Dan Larangan Sepanjang Tempoh Menurut Perspektif Islam [Legislation of *Ihdad* and Prohibition Throughout The Period From The Perspective of Islam]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 24(1), 139-153.
- Tri Purnama (2019). Pandangan Syekh Prof. Dr. Wahbah Az-zuhaili Terhadap *Ihdad* Wanita Karir di Era Moderen. Tesis Sarjana. Fakultas Syari'ah Dan Ekonomi Islam Institut Agama Islam Negeri (Iain) Curup



The current issue and full text archive of this journal is available at
<https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal>

Wan Mohd Yusof dan Abdul Karim Ali (2015). *Konsep al-Ta'ābudiyyah dan Kepentingannya dalam Hukum Islam Semasa.* *Jurnal Usuluddin* 41 (Januari – Jun 2015): 1-20